



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN		
TARIKH	:	28/12/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 32
JABATAN	:	PTG PERAK		



PENDUDUK mengadakan perhimpunan aman bagi menuntut hak milik tanah di Kampung Melayu Sungai Cawang Batu 7 Dalam, Changkat Jong, Teluk Intan, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

37 tahun tunggu hak milik tanah

Utusan
28.12.2021_32

TELUK INTAN: Seramai 23 penduduk Kampung Melayu Sungai Cawang Batu 7 Dalam, Changkat Jong di sini, meminta campur tangan kerajaan negeri berhubung permohonan mendapatkan geran hak milik tanah yang diduduki sejak 37 tahun lalu.

Menurut penduduk terlibat, mereka sudah tinggal di situ sejak 1984 namun belum mendapat geran hak milik di tanah yang

diusahakan dengan tanaman kelapa sawit, durian dan sayur.

Mereka juga mendakwa permohonan untuk mendapatkan geran hak milik tanah di kampung itu tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak yang berkenaan di sini.

Wakil penduduk, Adenan Mat Saud, 60, berkata, dia antara penduduk terawal mengusahakan tanah milik Perbadanan

Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) iaitu sejak 1984.

Menurutnya, tanah tersebut yang dijadikan tanah pertanian adalah mata pencarian penduduk selama ini.

"Kami dibenarkan terus tinggal di sini namun dinasihatkan merujuk masalah hak milik kepada pihak yang berkaitan di sini.

"Pada 2017, kami semua membuat permohonan di

Pejabat Tanah Daerah Teluk Intan supaya tanah seluas kira-kira 80 hektar ini diberikan geran bagi mengelak berlaku masalah pemilikan tanah kemudian hari.

"Namun kami kecewa Pejabat Tanah dan Daerah memberitahu proses untuk pemberian hak milik tanah belum dilakukan. Kami mahu ia diselesaikan secepat mungkin," katanya kepada *Utusan Malaysia*.